

1 **Manjit Singh a/l Gurdial Singh & Anor**

v

Lim Pit Ngan

5 Sessions Court, Ipoh – Summons No (4)53-397-2007
Indra Nehru Savandiah scj

10 **[15] Quantum** – *Abrasions and lacerations – Multiple abrasion wounds – Arthritis – Degenerative osteoarthritis of left hip – Lower limb – Hip – Central dislocation of left hip joint – Pelvis – Closed fracture of left inferior pubic ramus – Comminuted fracture of left acetabulum*

Date of accident

15 January 24, 2007

Date of grounds of judgment

December 17, 2009

Brief description of plaintiff’s injuries

20 *(First plaintiff)*

1. Abrasions
2. 10 cm x 10 cm superficial abrasion wound over the left shoulder
3. Superficial abrasion wound over the right knee

25 *(Second plaintiff)*

1. 2 cm x 4 cm abrasion over the left knee
2. Central dislocation of the left hip joint
3. Closed fracture of the left inferior pubic ramus
4. Comminuted fracture of the left acetabulum

30 **Disabilities**

(First plaintiff)

Nil

(Second plaintiff)

- 35
1. 1 cm shortening at the femoral segment of the left leg
 2. Degenerative osteoarthritis of the left hip
 3. Mild wasting of the left thigh muscle
 4. Moderate stiffness of the left hip joint

Plaintiff's age*(First and second plaintiff)*

- (a) As at date of accident : NA
 (b) As at date of hearing : NA

1

Plaintiff's occupation*(First and second plaintiff)*

- (a) As at date of accident : NA
 (b) As at date of hearing : NA

5

Plaintiff's earnings*(First and second plaintiff)*

- (a) As at date of accident : NA
 (b) As at date of hearing : NA

10

Liability

100% against the defendant; counterclaim against the plaintiff, dismissed with costs

15

Award*(First plaintiff)*1. *General damages*

- (a) Abrasions (10 cm x 10 cm superficial abrasion wound over the left shoulder and superficial abrasion wound over the right knee) – RM 2,500.00

20

2. *Special damages*

- (a) Cost of outpatient treatment – RM 50.00
 (b) Cost of repairs to motorcycle – RM 1,000.00

25

*(Second plaintiff)*1. *General damages*

- (a) 2 cm x 4 cm abrasion over the left knee – RM 1,000.00
 (b) Central dislocation of the left hip joint – RM15,000.00
 (c) Comminuted fracture of the left acetabulum – RM25,000.00
 (d) Closed fracture of the left inferior pubic ramus – RM10,000.00
 (e) Degenerative osteoarthritis of the left hip – RM 6,000.00

30

2. *Special damages*

- (a) Cost of treatment at a private hospital – RM17,617.95
 (b) Cost of future surgery (total hip replacement) – RM15,000.00
 (c) Travelling expenses incurred by the plaintiff's family in visiting the plaintiff – RM 500.00
 (d) Travelling expenses – RM 200.00

35

40

1 **Interest**

- (a) 4% per annum on special damages from date of accident until date of judgment.
- (b) 8% per annum on general damages from date of service of summons until date of judgment.
- 5 (c) 8% per annum on total judgment sum from date of judgment until date of full settlement.

Cases referred to by the court

- 10 *Govinda Raju & Anor v Laws* [1966] 1 MLJ 188, HC
Koh Poo Yim & Anor v Fanus b Ibrahim [2008] 2 PIR [6], sc
Law How Cheong v Lim Kay Chih [2009] 1 PIR [5], sc
Lee Ewe Teik v Ariffin b Hussain [1990] 2 CLJ 191, HC
Sin Hock Soon Transport & Anor v Low King Ban [2006] 3 MLJ 174, HC
15 *Suriyati Takril v Mohan Govindasamy & Anor* [2001] 2 CLJ 101, HC
Tan Kok Yu v Edris b Adis [2008] 2 PIR [55], sc
Yus Kusturi b Yusof & Anor v Faridah bt Abdul Manaf & Anor [2008] 2 PIR [14], sc

Solicitors

- 20 *SV Namasoo* (SV Namasoo & Co)
Ng Chee Kong & Co

Indra Nehru Savandiah scj

25 **A. Tuntutan**

- [1] Tuntutan plaintif adalah bagi gantirugi am, gantirugi khas, faedah dan kos terhadap defendan. Tuntutan ini adalah akibat kemalangan jalanraya yang berlaku pada Januari 24, 2007 jam lebih kurang 10.45 malam di antara plaintif, penunggang motorsikal AER4725 dan defendan, pemandu motorkar ADX 4823 di Persiaran Kledang Timur 1/Hala Perusahaan Menglembu, Ipoh, Perak.
- 30

B. Liabiliti

- 35 [2] Terdapat dua versi tentang bagaimana kemalangan itu berlaku.

C. Versi saksi-saksi kes plaintif

Keterangan SP1 (polis)

- 40 [3] SP1 memberi keterangan bahawa beliau ada siasat kes kemalangan tersebut. Tugasan beliau merangkumi melakar rajah kasar ("P1"), mengarahkan

- jurugambar rakamkan gambar-gambar (P2a-e) dan mengenalpastikan kerosakan pada kenderaan. 1
- [4] Di dalam rajah kasar beliau telah mengenalpastikan tanda “D”, iaitu gabus *bumper* dan komponen kenderaan. Ianya dijumpai di laluan motorsikal. 5
- [5] Kerosakan kenderaan-kenderaan yang terlibat adalah seperti berikut:
- Motorkar ADX 4823 10
1. Bahagian depan kanan kemek
 2. *Bumper* depan kanan pecah
 3. Roda bawah *bumper* kanan pecah 15
 4. Nombor *plate* depan pecah
- Motorsikal AER 4725 20
1. *Mudguard* depan patah
 2. Rim depan bengkok
 3. *Fork* depan bengkok 25
 4. Pengadang angin kiri koyak
- Keterangan SP2 (plaintif pertama)*
- [6] SP2 adalah plaintif pertama dalam kes ini. Menurut SP2, pada Januari 24, 2007, beliau menunggang motorsikal dari pekan Menglembu hendak balik ke Taman Wang. Pada ketika itu sebuah motorkar dikatakan terus masuk laluan plaintif pertama tanpa berhenti atau beri isyarat lampu. Perlanggaran telah berlaku. 30
- [7] Menurut plaintif pertama apabila motorkar masuk ke laluan beliau, jarak di antara motorsikal beliau dan motorkar adalah lebih kurang 20 kaki. Dalam keadaan jarak yang terlalu dekat, plaintif pertama tidak dapat brek atau elak pertembungan. 35
- [8] Plaintif pertama telah tandakan “X” tempat motorsikal jatuh selepas pertembungan dan “Y” tempat pertembungan berlaku dalam rajah kasar. 40

1 [9] Plaintiff pertama juga tidak bersetuju dengan cadangan pihak defendan bahawa motorkar defendan berhenti sebelum masuk ke laluan plaintiff pertama. Plaintiff pertama juga tidak setuju motorkar ada pasang isyarat.

5 [10] Plaintiff pertama telah buat laporan polis (“P4”).

[11] Isteri plaintiff pertama adalah pembonceng motorsikal dan beliau memberi keterangan tidak nampak bagaimana kemalangan berlaku.

10 *Keterangan defendan pertama (“SD1”)*

[12] SD1 telah memberi keterangan bahawa pada tarikh kejadian apabila beliau sampai ke tempat kejadian, beliau berhenti dan beri isyarat. Apabila beliau membelok sedikit ke kanan sebuah motorsikal dari arah bertentangan telah melanggar bahagian depan motorkar beliau.

15 [13] Laporan polis defendan adalah D3.

D. Keputusan mahkamah

20 [14] Setelah meneliti kedua-dua versi keterangan yang dikemukakan di mahkamah, saya berpendapat versi kes plaintiff atas imbalan kebarangkalian adalah dipercayai dan dijustifikasikan melalui keterangan senyap yang ada dalam kes ini. Mahkamah memutuskan liabiliti 100% terhadap defendan.

25 [15] Keputusan ini dibuat berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan seperti berikut.

[16] Keterangan senyap dalam kes ini telah membantu mahkamah membuat penganalisan yang tepat dan bagaimana hal kejadian berlaku.

30 [17] Penggunaan keterangan senyap adalah berlandaskan kes *Lee Ewe Teik v Ariffin b Hussain* [1990] 2 CLJ 191 yang telah memutuskan seperti berikut:

35 ... in situations where both parties have given two diametrically opposite versions as to how a collision occurred, the photographs, plan and measurements of the scene, and the nature of the damage to the vehicle must provide the most reliable guide by which their versions may be tested.

40 [18] Keterangan senyap dalam kes ini adalah tanda “D”. Apabila dikaji keterangan SP2, apa yang ternyata jelas adalah motorkar defendan secara tiba-tiba tanpa berhenti telah memasuki laluan plaintiff pertama. Defendan juga gagal memberi sebarang isyarat. SP2 telah tandakan tempat motorsikal jatuh sebagai “X” dan tempat pertembungan “Y”. Penandaan ini selaras

dengan tanda “D” di mana gabus *bumper* dan komponen kenderaan komponen dijumpai dan ditandakan oleh pegawai penyiasat. 1

[19] Ini adalah bukti-bukti senyap dalam kes ini yang tidak dipertikaikan kesahihan dan kewujudannya oleh pihak defendan. 5

[20] Mahkamah juga bersetuju dengan hujahan pihak plaintif dalam mengambilkira kerosakan pada kedua-dua kenderaan yang terlibat dalam kemalangan, kerosakan adalah tertumpu di bahagian hadapan. Jikalau defendan berada di tengah-tengah dan membelok, maka kerosakan pada motorkar akan bertumpu pada bahagian kiri motorkar dan bukan di hadapan. Kerosakan pada bahagian depan membuktikan pertembungan secara berhadapan. 10

[21] Versi plaintif pertama juga konsisten dengan laporan polis beliau. 15

[22] Defendan telah memberi keterangan bahawa pada tarikh kejadian apabila beliau sampai ke tempat kejadian, beliau berhenti dan beri isyarat. Apabila beliau membelok sedikit ke kanan sebuah motorsikal dari arah bertentangan telah melanggar bahagian depan motorkar. 20

[23] Apabila dikaji keterangan defendan di mahkamah dan laporan polis beliau, didapati di dalam laporan polis defendan langsung tidak berkata ada berhenti dan memberi lampu isyarat sebelum membelok. Laporan polis dibuat pada Januari 25, 2007, iaitu sehari selepas kemalangan. Sudah pasti ingatan tentang fakta kemalangan bagi defendan sehari selepas kemalangan tepat dan masih segar berbanding dengan keterangan yang dikemukakan di mahkamah pada Ogos 13, 2009. 25

[24] Pihak defendan berpegang kuat kepada fakta bahawa oleh kerana plaintif pertama tidak memerhatikan lampu isyarat defendan dan tidak mengurangkan kelajuan, maka kemalangan telah berlaku. 30

[25] Mahkamah memutuskan penemuan fakta berhubung dengan pemasangan lampu isyarat oleh defendan adalah satu “*afterthought*” sebab perkara ini tidak dinyatakan dalam laporan polis defendan. Begitu juga dengan fakta telah berhenti sebelum membelok. Perkara ini juga tidak dinyatakan dalam laporan polis defendan. 35

[26] Pihak defendan juga gagal menjelaskan kenapa perkara-perkara ini tidak dinyatakan dalam laporan polis dan boleh timbul begitu sahaja pada tarikh perbicaraan. 40

1 [27] Mahkamah dengan rendah diri tidak sehaluan dengan cadangan
hujahan peguam defendan kemalangan berlaku berdekatan garisan "B" dan
ini menyebabkan motorsikal jatuh di "D".

5 [28] Ini adalah kerana jika pertembungan berlaku berdekatan garisan "B",
maka pecahan komponen kenderaan ("D") seharusnya berdekatan dengan
garisan "B". Di dalam kes ini apabila dikaji rajah kasar, ternyata jelas pecahan
komponen "D" adalah tidak berdekatan dengan garisan "B". Pecahan
komponen "D" dilukiskan oleh pegawai penyiasat tidak berdekatan atau
10 sepanjang garisan "B". Ia adalah dalam kedudukan tersendiri seperti yang
tertera dalam rajah kasar.

[29] Seterusnya defendan ketika diperiksa balas telah mengakui telah masuk
ke laluan sah plaintif. Di petik keterangan defendan berhubung perkara yang
seperti berikut:

15 Soalan : Motorsikal tidak masuk laluan anda, anda yang masuk laluan motorsikal.

Jawapan: Setuju.

20 [30] Kewujudan keterangan ini memudaratkan kes defendan. Kesahihan
keterangan ini tidak dicabar dan kekal.

[31] Mahkamah mendapati plaintif pertama tidak dapat mengelak
kemalangan akibat perbuatan defendan yang memasuki laluan beliau
tanpa sebarang lampu isyarat secara tiba-tiba dalam jarak terdekat. Ini telah
25 mengakibatkan "*agony of moment*" bagi plaintif pertama di mana plaintif
pertama tidak dapat membuat apa-apa untuk mengelak kemalangan. Kes
yang dirujuk adalah *Govinda Raju & Anor v Laws* [1966] 1 MLJ 188 di mana
telah diputuskan seperti berikut:

30 what was done or omitted to be done by the plaintiff in the agony of the moment
cannot be fairly treated as negligence and therefore there was no contributory
negligence on the part of the plaintiff.

35 [32] Justeru itu mahkamah memutuskan berdasarkan keterangan-keterangan
saksi-saksi dan juga keterangan senyap dalam kes ini bahawa kemalangan
adalah diakibatkan oleh kecuiaan defendan sepenuhnya.

[33] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, mahkamah memutuskan liabiliti
diputuskan 100% terhadap defendan dan tuntutan balas defendan terhadap
plaintif ditolak dengan kos.

E. Kuantum (atas dasar liabiliti 100%)	1
1. Gantirugi am	
<i>Plaintif pertama</i>	5
<i>Kecederaan plaintif pertama</i>	
[34] Bagi <i>abrasion wound at left shoulder (superficial)</i> 10 cm x10 cm dan <i>abrasion wound at right knee (superficial)</i> diawardkan RM2,500.00 kerana ia adalah " <i>superficial</i> " sahaja.	10
2. Gantirugi khas	
[35] Telah dipersetujui seperti yang berikut pada Ogos 13, 2009.	15
(i) Perbelanjaan membaiki motorsikal RM1,000.00.	
(ii) Perbelanjaan rawatan pesakit luar RM50.00.	
(iii) Perbelanjaan dokumen dituntut di bawah kos tindakan.	20
1. Gantirugi am	
<i>Plaintif kedua</i>	
[36] Laporan-laporan perubatan yang berikut adalah dirujuk:	25
1. Laporan perubatan Hospital Besar Ipoh bertarikh Jun 8, 2007.	
2. Laporan pakar Enjer Orthopaedic & Physiotherapy bertarikh April 11, 2007.	30
3. Laporan pakar Enjer Orthopaedic & Physiotherapy bertarikh April 2, 2008 berserta surat klarifikasi dan jawapan.	
4. Laporan pakar dari Tai Otopidik Surgeri bertarikh Julai 7, 2009.	35
[37] Kecederaan plaintif kedua adalah:	
1. <i>Central dislocation of the left hip joint.</i>	
2. <i>Comminuted fracture of the left acetabulum.</i>	40
3. <i>Closed fracture left inferior pubic ramus.</i>	

1 [38] *Disabilities* adalah:

1. *Real shortening of the left leg by 1 cm.*

5 2. *Mild wasting of the left thigh muscle.*

3. *Moderate stiffness of the left hip joint.*

Central dislocation of the left hip joint

10 [39] Diawardkan RM15,000.00. Kes dirujuk *Yus Kusturi b Yusof & Anor v Faridah bt Abdul Manaf & Anor* [2008] 2 PIR [14]

Comminuted fracture of the left acetabulum

15 [40] Diawardkan RM25,000.00 sebab plaintif kedua mengalami kecacatan. Kes dirujuk *Law How Cheong v Lim Kay Chih* [2009] 1 PIR [5].

Closed fracture left inferior pubic ramus

20 [41] Diawardkan RM10,000.0. Kes dirujuk *Koh Poo Yim & Anor v Fanus b Ibrahim* [2008] 2 PIR [6].

[42] *Surgical scar 24 cm over lateral aspect of the hip* tidak dibenarkan apa-apa award sebab parut ini adalah berlanjutan dari pembedahan dan bukan terus-menerus akibat kemalangan.

25

[43] *2 cm x 4 cm abrasion over the left knee* dibenarkan award RM1,000.00.

[44] *Degenerative osteoarthritis of the left hip* dibenarkan award RM6,000.00. Kes dirujuk *Tan Kok Yu v Edris b Adis* [2008] 2 PIR [55].

30

2. Gantirugi khas

Perbelanjaan di Hospital Pantai Putri

35 [45] Plaintif kedua dalam kes ini telah menjelaskan kenapa dia telah pilih mendapat rawatan di hospital swasta setelah dimasuk ke hospital kerajaan. Menurut beliau di hospital kerajaan, beliau hanya diberi suntikan tahan sakit dan dimaklum oleh doktor bahawa rawatan hanya akan diberi pada keesokan hari.

40 [46] Oleh kerana tidak tahan sakit, plaintif kedua telah membuat keputusan mendapat rawatan di hospital swasta.

[47] Mahkamah bersehaluan dengan hujahan pihak plaintif seseorang individu berhak mendapat rawatan yang terbaik bagi dirinya. Dalam mengambil kira keputusan kes *Sin Hock Soon Transport & Anor v Low King Ban* [2006] 3 MLJ 174, mahkamah memutuskan RM17,617.95 sebagai award dibenarkan kepada plaintif kedua. 1
5

[48] Mahkamah tidak sehaluan dengan hujahan pihak defendan bahawa pembayaran wang oleh pihak insuran bukanlah “*out of pocket expenses*” bagi plaintif kedua kerana plaintif kedua terpaksa membuat bayaran kepada pihak insuran untuk ditanggung oleh pihak insuran. Bil-bil hospital telah ditanda sebagai P8 dan pihak defendan gagal mencabar jumlah perbelanjaan dalam segala aspek. 10

[49] Bagi perbelanjaan kos pembedahan masa hadapan, kedua-dua surat Dr Enjer bertarikh Mei 8, 2008 dan Mei 14, 2008 yang mana dipersetujui oleh pihak defendan tertakhluk kepada submisi jelas menjelaskan keperluan pembedahan masa hadapan. 15

[50] Mahkamah merujuk kepada isi kandungan surat Dr Enjer bertarikh Mei 14, 2008 yang berbunyi seperti berikut:

the operative cost for a total hip replacement would be approximately RM15,000.00. 20

[51] Ini bermakna plaintif kedua sememangnya perlukan pembedahan masa hadapan. Oleh itu dalam mengambil kira kes *Suriyati Takril v Mohan Govindasamy & Anor* [2001] 2 CLJ 101, mahkamah membenarkan RM15,000.00 sebagai award kos pembedahan masa hadapan. 25

[52] Item-item (b) dan (c) yang ditarik balik adalah:

(i) Bayaran untuk tongkat;

(ii) Bayaran untuk kerusi roda. 30

[53] Item-item (d) dan (e) yang dipersetujui pada Ogos 13, 2009 adalah:

(i) lawatan keluarga plaintif ke Hospital Pantai Putri RM500.00;

(ii) perbelanjaan pengangkutan RM200.00. 35

[54] Item (f) diletak di bawah kos tindakan dengan persetujuan.

[55] Mahkamah juga benarkan faedah yang lazimnya dibenarkan ke atas gantirugi am dan khas dan kos tuntutan juga diberikan kepada plaintif-plaintif. 40